KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

113 PELATIH FORTRAIN TERIMA SIJIL PERHUTANAN SEMPENA MAJLIS PENGANUGERAHAN

Seramai 113 pelatih Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) diraikan dalam Majlis Penganugerahan Sijil Perhutanan ke-37 yang berlangsung penuh istiadat di Dewan Alwy, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), hari ini.

Majlis yang melibatkan graduan Sijil Perhutanan Renjer Hutan (Sesi 2023–2025) dan Pengawas Hutan (Sesi 2024–2025) itu telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup dengan teks dibacakan oleh Timbalan Menteri, Tuan Syed Ibrahim Syed Noh.

Para graduan bukan sahaja dibekalkan dengan ilmu teori pengurusan hutan dan biodiversiti, malah telah menjalani latihan intensif termasuk, Latihan Teknikal Praktikal (LTP) selama tujuh (7) minggu di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) untuk memperkukuh kemahiran operasi di lapangan. Selain itu, pelatih juga menjalani Latihan Ala Tentera bersama Rejimen Askar Wataniah bagi membentuk disiplin, kepimpinan, dan kemahiran taktikal melalui aktiviti kawad kaki, membaca peta dan ikhtiar hidup.

Sehingga kini, Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) telah melahirkan seramai 6,369 graduan yang berkhidmat dalam pelbagai sektor seperti ekopelancongan, pengurusan sumber asli, dan landskap di seluruh negara. Pihak JPSM akan mengeluarkan kenyataan iklan tentang pengambilan pelatih FORTRAIN bagi Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2026 - 2027 pada bulan April 2026. Iklan tersebut akan dipaparkan di laman sesawang JPSM dan permohonan akan dibuat secara dalam talian (*online*).

Untuk jangka masa panjang, JPSM berhasrat untuk meningkatkan martabat FORTRAIN ke tahap yang lebih berprestij di mana melibatkan akreditasi taraf MQA (Agensi Kelayakan Malaysia) agar kelayakan akademik Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada FORTRAIN adalah setara dengan tahap Diploma.

Majlis ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dalam melahirkan modal insan berkemahiran, berintegriti dan berdaya saing demi memastikan pengurusan hutan negara yang lestari dan mampan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
4 FEBRUARI 2026

MALAYSIA MADANI

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763

nresmalaysia